

JAWAPAN LISAN KEUTAMAAN
OLEH YAB. DATUK SERI PANGLIMA KETUA MENTERI
DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KEENAM BELAS
SELASA, 23 MEI 2023

SOALAN 1

YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog] bertanya kepada **Ketua Menteri**, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam memastikan peruntukan dari kerajaan persekutuan dapat dibelanjakan dengan sepenuhnya memandangkan peruntukan yang dikembalikan pada tahun 2022 amatlah besar.

JAWAPAN:

Tuan Speaker,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari **Moyog** serta Dewan yang mulia ini, negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM5.709 bilion di bawah peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.457 bilion telah dibelanjakan, manakala sebanyak RM1.252 bilion tidak dapat dibelanjakan disebabkan isu-isu pelaksanaan seperti yang berikut:

- 1) Isu kontraktor - Kontraktor dilantik tidak mempunyai kapasiti kewangan mencukupi atau kredit kewangan; Tenaga kerja; dan Kelemahan pengurusan projek.

- 2) Isu Utiliti - Kelewatan dokumentasi untuk penyambungan utiliti; Kelewatan/ karenah birokrasi syarikat utiliti; dan Pemetaan utiliti (*utility mapping*) dalam tanah (*sub-terranean*) dan di bawah permukaan (*sub-surface*) sukar dikesan.
- 3) Isu tanah – Proses pengambilan balik tanah yang terganggu; Bantahan dari pemilik tanah berdekatan lokasi cadangan untuk pembangunan/kegunaan didapati kurang sesuai; Keadaan topografi yang sukar; dan Ruang/ laluan masuk ke tapak tiada atau terdapat halangan.
- 4) Isu Pengurusan – Arahan berhenti kerja (*stop work order*) oleh Pegawai Penguasa; Kesukaran mendapat bahan bekalan binaan; dan Harga bahan di pasaran naik.
- 5) Isu Agensi pelaksana – Kelewatan menyemak serta meluluskan *Variation Order* (VO); Kelewatan bayaran kepada perunding/ kontraktor dan pembekal; Kelewatan menyemak dan meluluskan lanjutan masa atau *Extension of Time* (EOT).

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam menangani perkara-perkara tersebut. Antaranya, dengan memastikan kebolehlaksanaan sesuatu projek yang dipohon untuk pelaksanaan adalah tinggi pada tahun semasa dan tahun-tahun berikutnya.

Kerajaan Negeri juga akan memastikan semua permohonan projek kepada Kerajaan Persekutuan perlu mendapat perakuan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu, seperti yang telah termaktub dalam Garis Panduan Penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK12) dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2024-2025 Biayaan Persekutuan. Ini adalah untuk memastikan perancangan adalah mengikut keperluan negeri dan pelaksanaan projek disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan Persekutuan dilaksanakan seperti yang dirancang, usaha-usaha pemantauan dijalankan secara berterusan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Negeri Sabah (SDO). Antaranya melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) Sabah yang berperanan dalam memantau dan membincangkan isu-isu pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan di negeri Sabah. Selain itu, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNg) Sabah juga ditubuhkan bagi memastikan keputusan mesyuarat MTPNg dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri.

Di samping itu, pemerkasaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah melalui pengiktirafan jabatan tersebut sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan (AP 182) oleh Kerajaan Persekutuan serta penambahan pegawai-pegawai teknikal baharu juga merupakan antara inisiatif penting yang membantu Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan negeri dengan lebih efisien.

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan supaya peruntukan Persekutuan dapat disalurkan kepada satu Akaun Amanah bagi memastikan peruntukan tersebut tidak luput sekiranya tidak dapat dibelanjakan pada tahun semasa. Kerajaan Negeri akan memantau agar peruntukan dalam Akaun Amanah tersebut digunakan secara efisien mengikut maksud pemberian peruntukan tersebut.

Sekian.